

29/04/2003

Kerajaan kaji haramkan kemasukan The Economist

Mutazar Abd Ghani; Salina Abdullah; Tuan Nazuri Tuan Ismail; Rohaniza BUTTERWORTH: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata kerajaan sedang mengkaji beberapa tindakan, termasuk mengharamkan majalah The Economist kerana menyiarkan laporan tidak benar mengenai negara ini.

Pemangku Perdana Menteri berkata, kajian teliti perlu dibuat bagi memastikan tindakan yang akan diambil benar-benar berkesan hingga majalah itu tidak mengulangi kesalahan yang sama.

Beliau berkata demikian mengulas gesaan pelbagai pihak termasuk pemimpin Barisan Nasional (BN) supaya kerajaan mengambil tindakan tegas ke atas The Economist, termasuk mengharamkannya kerana menyiarkan laporan yang mengkritik keras Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kepemimpinannya.

Bercakap selepas majlis perjumpaan khas dengan pegawai kerajaan dan pemimpin masyarakat daerah Seberang Prai Utara (SPU) di Kepala Batas di sini semalam, Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, setakat ini

majalah itu belum memohon maaf walaupun sudah diminta berbuat demikian.

Sementara itu, Abdullah berkata, kerajaan tidak bercadang mengenakan semula larangan terhadap kemasukan pelancongan dari Kanada, Hong Kong dan Taiwan berikutan peningkatan kes Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS) di negara terbabit.

"Kerajaan sudah melaksanakan pemeriksaan ketat ke atas pelancong yang memasuki Malaysia, begitu juga negara terbabit," katanya.

Di KUALA LUMPUR, Pergerakan Wanita dan Puteri Umno meminta Kementerian Dalam Negeri (KDN) mengharamkan pengedaran The Economist kerana memperkecilkan Malaysia dan Dr Mahathir.

Kedua-dua pergerakan itu mahu tindakan tegas itu diambil kerana menyifatkan penulisnya, Christopher Lockwood dan penerbit majalah itu berniat jahat memburukkan imej negara dan mencampuri urusan dalaman negara.

Sambil menyifatkan perbuatan itu keterlaluan dan tidak bertanggungjawab,

Ketua Wanita, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata pihak terbabit tidak seharusnya menyalahgunakan kebebasan bersuara dan sewenang-wenangnya mengkritik tanpa fakta.

"Kita menghormati kebebasan media, termasuk untuk membuat kritikan. Tetapi ia perlu tepat dan tidak melulu seperti yang dilakukan penulis artikel berkenaan," katanya selepas pertemuan Pergerakan Wanita Parti Komponen Barisan Nasional (BN), semalam.

Rafidah yang juga Ketua Wanita BN, berkata tidak adil untuk membandingkan kemampuan Abdullah dengan Dr Mahathir yang sudah berkhidmat sebagai Perdana Menteri selama 22 tahun.

"Kita patut memberi masa kepada Datuk Seri Abdullah seperti mana kita memberi masa kepada Datuk Seri Dr Mahathir dulu," katanya.

Ketua Puteri, Azalina Othman, berkata wartawan majalah berkenaan jelas tidak membuat rujukan dan kajian serta menerima maklumat daripada sumber secara bulat-bulat.

Beliau berkata, tuduhan yang dilemparkan melalui rencana berkenaan juga isu yang sudah lama.

Di PENDANG, Pemuda Umno Kedah juga menggesa kerajaan mengharamkan penjualan majalah itu.

Ketuanya, Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir, berkata rakyat sudah jemu dengan sikap Barat yang memperkecil dan memperlekehkan pemimpin negara ini.

Presiden Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Mohd Shahar Abdullah turut meminta kerajaan segera mengharamkan majalah berkenaan.